

MAHATHIR-PATUNG 4 ALOR SETAR (SAMBUNG BERITA 540)

DARI IPOH, WARTAWAN BERNAMA YONG SEK FATT MELAPORKAN BAHAWA JAWATANKUASA-JAWATANKUASA-PENGURUS KUIL-KUIL DI PERAK, KHUSUSNYA DI TEMPAT-TEMPAT TERPENCIL, HARI INI DIGESA MENGADAKAN PERATURAN PENGAWALANNYA SENDIRI.

KETUA POLIS PERAK DATUK YUEN YUET LENG MEMBERI LIMA PERKARA YANG HARUS DIKUT OLEH JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENGURUSAN UNTUK MENCEGAH KEJADIAN NAKAL OLEH ANASIR-ANASIR YANG TIDAK DIINGINI:

+ MEMBINA PAGAR;

+ BERHUBUNG DENGAN PIHAK BERKUASA UNTUK MENYELARASKAN RONDAAN RUKUNTETANGGA;

+MEMASANG SISTEM AMARAN;

+MENGUNCIKAN PINTU-PINTU DI KUIL

ITU PADA MALAM HARI;

+MELAPORKAN JIKA ADA KEGIATAN YANG MENIMBULKAN SYAK ATAU ADA ORANG-ORANG BERKELIARAN DI KAWASAN KUIL.

DATUK YUEN MENGINGATKAN MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB ATAS KUIL ATAU MEREKA YANG TINGGAL DI KUIL ITU SUPAYA JANGAN MENGAMBIL TINDAKAN SENDIRI JIKA PEROSAK-PEROSAK MASUK KE KAWASAN KUIL.

—BERSAMBUNG 1542/EY

MAHATHIR PATUNG 5 ALOR SETAR

DATUK YUEN BERHARAP ORANG-ORANG HINDU AKAN MENGELAK MEMBINA KUIL DI TEMPAT-TEMPAT YANG TERPENCIL KERANA POLIS SUKAR MENGAWALNYA.

KATANYA POLIS BERUSAHA SEBERAPA BOLEH MENGADAKAN KAWALAN TETAPI ADALAH SUKAR UNTUK BERBUAT DEMIKIAN KERANA ADA 700 KUIL DI NEGERI PERAK.

DATUK YUEN, YANG MELAWAT DUA BUAH KUIL DI SUNGKAI DAN BIDOR TEMPAT PATUNG-PATUNG DIROSAKKAN OLEH PEROSAK-PEROSAK ISNIN LALU, BERJANJI POLIS AKAN MENYIASAT SEPENUHNYA KES ITU.